

MARA perluas program usahawan

HALMART tingkat jaringan perniagaan, pasaran produk lebih berkualiti

Oleh Mohd Amin Jalil
bhnews@bh.com.my

Nilai: Program Pembangunan Peruncitan Bumiputera antara komitmen Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk meningkatkan pembabitan usahawan Bumiputera dalam industri peruncitan negara.

Usaha ini bagi meningkatkan pembabitan usahawan Bumiputera dalam industri peruncitan negara.

Beliau berkata, MARA mengambil langkah proaktif menggunakan ekosistem keusahawanan MARA sedia ada yang merangkumi latihan keusahawanan, kemudahan pembiayaan dan penyediaan premis perniagaan sebagai platform yang boleh digunakan untuk merangka program khas bagi mengatasi masalah terbabit.

“MARA berkolaborasi bersama pemain industri seperti Petronas Dagangan Berhad (PDB), Shopee dan lain-lain dalam merangka model perniagaan khusus untuk program ini agar modul yang dirangka menepati keperluan industri dan mampu berdaya saing,” katanya.

Beliau berkata, sejak tahun 2020, MARA sudah menyalurkan dana pembiayaan sebanyak RM33.5 juta yang sudah memberi



Mahdzir memotong riben merasmikan cawangan MISA Frozen di Taman Desa Cempaka Nilai sambil disaksikan Azhar (kiri) baru-baru ini. (Foto Mohd Amin Jalil/BH)

Program Pembangunan Peruncitan MARA

Program Khas: My Mesra, Jana Niaga - Shopee, Halal Mart (Halalmart), Misi Borong dan Gate to Global (GTG)

✓ Bilangan Usahawan	1230
✓ Bilangan SKU produk dipasarkan	45,000
✓ Nilai jualan	RM180 Juta
✓ Jumlah pembiayaan MARA disalurkan	RM33.5 Juta
✓ Peluang pekerjaan diwujudkan	980

Urusan Abumie Holdings Sdn Bhd (Abumie Holdings), berkata ketika ini Misa Frozen sudah mempunyai tiga cawangan termasuk di Seremban 2 dan di Kota Rembau serta di Nilai.

“Selain itu terdapat satu pusat pemprosesan barang sejuk beku di Seremban yang sudah mendapat pensijilan daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

“Kita berhasrat untuk bertindak sebagai pemain dan mengambil bahagian dalam pertukaran pembekalan keselamatan makanan secara berperingkat dengan membuka lebih banyak cawa-

sejuk beku.

“Daging kambing diimport dari luar negara, tetapi dilakukan proses pembungkusan semula di Seremban, mengikut amalan yang ditetapkan Islam iaitu dari aspek kebersihan dan pematuhan syariah serta mendapat pengiktirafan dan sijil halal JAKIM,” katanya.

Mohd Shuhaimi berkata, sehingga kini, sekitar RM2 juta dana pembiayaan sudah disalurkan MARA kepada MISA Frozen dalam tempoh empat tahun, yang memberi impak positif kepada pengembangan perniagaan di usahakannya.

miputera terus diperkukuh dengan membangunkan satu lagi program khas Halal Mart (HALMART).

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata program HALMART ini dibangunkan dengan memberi fokus kepada pengusaha kedai serbaneka yang berkonsepkan halal untuk mereka menambah cawangan kedai, sekali gus membuka lebih banyak ruang untuk usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) memasarkan produk mereka di pasaran.

“Bagi fasa pertama, seramai 14 usahawan yang terpilih telah kita lengkapkan dengan beberapa siri latihan khusus yang fokus kepada pengurusan operasi syarikat, sistem kewangan yang lebih sistematik, strategi pemasaran berkesan serta khidmat perundingan bersama pakar dalam industri.

“Selain itu, MARA juga telah menyalurkan dana pembiayaan bernilai RM5 juta untuk pengembangan perniagaan usahawan berkaitan,” katanya.

Mahdzir berkata, program Pembangunan Peruncitan MARA diwujudkan selepas mengenalpasti kegagalan pasaran produk usahawan Bumiputera disebabkan oleh beberapa faktor seperti kekurangan pengetahuan mengenai akses pasaran domestik dan global, modal pusingan, kapasiti pengeluaran, penjenamaan produk yang tidak mencapai piawaian serta pensijilan.

manfaat kepada hampir 500 orang usahawan dalam bidang ini.

Katanya, usaha ini juga menghasilkan pulangan lumayan apabila usahawan di bawah program khas terbabit berjaya meraih nilai jualan sebanyak RM180 juta dalam tempoh berkenaan.

“Bukan itu sahaja, usaha ini juga telah memberi peluang pekerjaan kepada 980 orang, sekali gus membuktikan kesungguhan MARA dalam membangunkan industri berkaitan,” katanya.

Katanya, selain HALMART an-

tarah program khas ini, program yang dibangunkan MARA adalah program kolaborasi bersama PDB – MY MESRA, program bersama Shopee – Jana Niaga Shopee, dan M@i Borong termasuk platform pemasaran ke luar negara *Gate To Global* (GTG).

Sementara itu, antara usahawan yang menyertai program HALMART, Mohd Shuhaimi Abu yang juga pemilik syarikat pemborong, pembekal dan peruncit produk sejuk beku Bumiputera jenama Misa Frozen.

Beliau yang juga Pengarah



Kakitangan MISA Frozen di Taman Desa Cempaka Nilai menunjukkan antara produk yang dijual di cawangan baharu mereka.

ngan.

“Buat sementara ini tumpuan adalah di dalam Negeri Sembilan sebelum diperluaskan ke beberapa negeri lain secara berperingkat dengan sasaran sehingga 70 cawangan dalam tempoh 10 tahun dengan nilai jualan mencecah RM350 juta setahun,” katanya ketika ditemui pada majlis pembukaan cawangan baharu MISA Frozen di Desa Cempaka, yang disempurnakan Mahdzir di sini, Khamis lalu.

Yang turut hadir, Ahli Majlis MARA, Datuk Seri Md Alwi Che Ahmad; Ketua Pengarah MARA, Datuk Azhar Abdul Manaf dan Timbalan Ketua Pengarah Keusahawanan MARA, Datuk Zulfikri Osman.

Mohd Shuhaimi yang menerima dana pembiayaan sebanyak RM1 juta melalui program itu berkata, dana itu amat membantunya dalam memastikan operasi MISA Frozen berjalan dengan lancar tanpa sebarang masalah.

Beliau berkata, melalui pembukaan lebih banyak cawangan, pihaknya berharap produk yang dipasarkan dapat sampai ke tangan pengguna terutama mereka yang menitik berat produk bersih dan halal.

Katanya, produk yang dipasarkan termasuk daging lembu, kambing, ayam, kuih muih dan sebagainya.

“Ketika ini ada lebih 23 produk atas nama Misa Frozen memabitkan daging kambing dan ayam

Katanya, setakat ini, prestasi jualan dicatatkan MISA Frozen amat memberangsangkan.

“Pada tahun pertama ia mencecah RM1.6 juta dan meningkat sehingga RM5 juta pada tahun lalu.

“Melalui pembukaan cawangan baharu di Taman Desa Cempaka Nilai, jaluannya bertambah lagi kepada 30 peratus dengan purata sebulan tidak kurang RM500,000,” katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Mahdzir berkata, Halmart itu adalah satu program pemadanan produk antara pengeluar produk PKS dan pengusaha pasar raya bagi membantu pengeluar memasarkan produk ke pasaran tempatan.

Jelas beliau, pengusaha HALMART juga mengikuti siri latihan keusahawanan khas disediakan MARA bersama pakar dalam industri berkaitan meliputi pengurusan operasi syarikat, sistem kewangan, kemudahan pembiayaan dan khidmat perundingan.

“Saya berharap, lebih banyak kedai serbaneka berkonsepkan halal terutamanya di luar bandar dapat diwujudkan dan dijadikan pemangkin kepada pembangunan ekonomi, sekali gus memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat,” katanya.

Untuk maklumat lanjut tentang program dan kemudahan keusahawanan MARA, boleh layari <https://www.mara.gov.my>